

PENDEKATAN DAKWAH DALAM KAEDAH PENGAJARAN KEPADA MUALAF

Noraini Mohamad¹
Mariam Abd. Majid²
Badlihisham Mohd Nasir³

Abstract: *Dakwah approach in the teaching method to the mualaf is a headline that deals with the application of the concept of dakwah in the teaching method to mualaf. The object of this study is to examine appropriate teaching methods to mualaf based on several dakwah approaches that exist in the al-Qur'an and al-Sunnah. The method use in this study is literature review using qualitative document analysis techniques. The study shows that there are many dakwah approaches that may be used in the teaching method to mualaf is the teaching based on the rules of al-Qur'an, the teaching based on the approach of the Rasulullah SAW and the lesson about approach. This lesson will contribute to the teachers of mualaf especially in particular and the general preachers. The implications of the study are that some of the methods found in this study may be used by teachers of mualaf especially when carrying out teaching activities. Likewise preachers, some of the findings in this study may be used while performing dakwah activities.*

Keywords: *Dakwah Approaching, Teaching Method, Mualaf*

Abstrak: *Pendekatan dakwah dalam kaedah pengajaran kepada mualaf merupakan suatu tajuk yang membincangkan berkaitan penerapan konsep dakwah dalam kaedah pengajaran kepada mualaf. Objektif kajian ini ialah mengkaji kaedah pengajaran yang sesuai kepada mualaf berdasarkan beberapa pendekatan dakwah yang ada dalam al-Quran dan al-Sunnah. Metode yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian kepustakaan dengan menggunakan teknik analisis dokumen yang bersifat kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan terdapat banyak pendekatan dakwah yang boleh digunakan dalam kaedah pengajaran kepada mualaf iaitu pengajaran berasaskan kaedah al-Quran, pengajaran berasaskan pendekatan Rasulullah SAW dan pendekatan pengajaran secara berhikmah. Kajian ini akan memberi sumbangan kepada tenaga pengajar mualaf khususnya dan pendakwah umumnya. Implikasi kajian adalah beberapa kaedah yang ditemukan dalam kajian ini boleh diguna pakai oleh tenaga pengajar mualaf khususnya ketika menjalankan aktiviti pengajaran. Begitu juga pendakwah, beberapa penemuan dalam kajian ini boleh digunakan sewaktu menjalankan aktiviti dakwah.*

Katakunci: *Pendekatan dakwah, Kaedah Pengajaran, Mualaf*

¹ Dosen di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Email: norainimohamad@kuis.edu.my

² Dosen di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Email: mariam@kuis.edu.my

³ Profesor di Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor Malaysia. Email: badlihisham@utm.my

Pendahuluan

Pendekatan dakwah kepada mualaf sudah agak banyak dibincangkan dalam kajian-kajian lepas. Antara beberapa kajian yang mengupas berkaitan dakwah mualaf ialah Siti Fathimatul Zahrah & Nur'Athiroh Masyaa'il (2015), Ab. Halim Tamuri (2015), Nur 'Athiroh Masyaa'il et. al (2014), Razaleigh Muhamat (2014), Razaleigh Muhamat & Marlon Pontino Guleng (2014), Syaidatun Nazirah et. al (2014), Syarul Azman & Razaleigh Muhamat (2014), Jemkhairil (2010), Syarul Azman et. al (2016), Zainab Ismail & Wan Ibrahim wan Ahmad (2009), Abdul Ghafar Don (2010), Zulkifli Abd. Ghani (2009), Abdul Ghafar Don & Ahmad Redzuwan Mohd Yunus (2009), Abdul Ghafar Don & Hailan Hj. Salamon (2009), Razaleigh Muhamat et. al (2012) dan beberapa lagi. Namun kajian berkaitan kaedah pengajaran kepada mualaf secara khusus agak kurang dibincangkan, jika ada pun ia sekadar satu sorotan kajian sahaja. Justeru dalam kajian ini dibawa satu perbincangan khusus yang menjurus kepada kaedah pengajaran kepada mualaf berdasarkan beberapa pendekatan dakwah menurut al-Quran dan al-Sunnah.

PENDEKATAN DAKWAH

Dakwah merupakan ajakan dan seruan kepada jalan Allah. Tujuan dakwah dilakukan adalah untuk menyebarkan ajaran Islam di muka bumi ini. Abdul Karim Zaidan (2011) ada menyatakan bahawa dakwah mempunyai ruang lingkup yang cukup besar merangkumi pendakwah (da'ie), isi dakwah (maudhu'), metodologi dakwah (manhaj al-dakwah) dan penerima dakwah (mad'u). Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 33. Maksudnya: "Allah menyeru manusia ke syurga" Dakwah mempunyai pelbagai pendekatan yang boleh digunakan. Antara yang sering dibincangkan adalah pendekatan secara berhikmah dan bijaksana. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Nahl ayat 125. Maksudnya: "Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah pertunjuk". Melalui ayat ini membuktikan asas kepada pendekatan dakwah ialah dengan hikmah kebijaksanaan, nasihat yang lunak dan berdebat atau berbincang dengan yang terbaik (Ghafar Don: 2010). Justeru pendekatan dakwah dalam kaedah pengajaran mualaf perlu menekankan kesemua aspek ini bagi menjadikan proses pengajaran kepada mualaf berjalan lancar dan dapat difahami dengan baik.

Definisi Muallaf

Terminologi muallaf dalam kajian ini berasaskan kepada al-Quran menerusi ayat 60 dalam Surah Taubah; Maksudnya: “Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk golongan fakir, dan miskin, dan ‘amil-‘amil yang mengurusnya, dan golongan mu'allaf yang dilembutkan hatinya, dan untuk golongan hamba yang hendak memerdekakan dirinya dan orang yang berhutang, dan untuk dibelanjakan pada jalan Allah dan golongan musafir yang keputusan (belanja) dalam perjalanan. Ketetapan hukum yang demikian itu ialah sebagai satu ketetapan yang datang dari Allah. Dan ingatlah Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”. Ayat 60 dalam surah Taubah ini menjelaskan bahawa golongan muallaf merupakan salah satu daripada lapan golongan yang berhak menerima zakat. Bagi tujuan tersebut banyak tafsiran ditemui mengulas berkaitan pengertian muallaf sebagaimana yang dimaksudkan dalam ayat tersebut. Mu'jam al-Fāz al-Qur'an al-Karim mendefinisikan (والمؤلفة) ((المستماله قلوبهم إلى الإسلام بالإحسان إليهم (قلوبهم) sebagai golongan yang cenderung kepada Islam dengan berbuat baik terhadap mereka (Anon: 1970). Golongan ini terbahagi kepada dua iaitu pertama; golongan yang baru memeluk Islam dan kedua; golongan yang belum memeluk Islam.

Sayyid Qutb dalam Tafsir Fi Zilal al-Quran mengkategorikan golongan (والمؤلفة) kepada tiga golongan iaitu pertama ialah individu yang baru memeluk Islam dan dengan pemberian zakat diharapkan dapat mengukuhkan pegangan mereka terhadap Islam, kategori kedua iaitu individu yang belum memeluk Islam dan dengan pemberian harta zakat diharapkan dapat melembutkan hati mereka supaya memeluk Islam manakala golongan ketiga ialah mereka yang telah memeluk Islam dan berpegang teguh dengannya dan menerusi pemberian harta zakat, mereka diharapkan dapat menarik hati orang-orang seperti mereka di kalangan kaum mereka agar memeluk Islam setelah melihat saudara mereka mendapat rezeki yang banyak. Pemberian zakat ini menggambarkan kesempurnaan hakikat kebijaksanaan Allah SWT dalam mentadbir urusan hamba-Nya pada setiap aspek situasi dan persekitaran (al-Qutb: 1998). Wahbah al-Zuhayli dalam Tafsir al-Munir menafsirkan (والمؤلفة قلوبهم) sebagai golongan yang telah memeluk Islam tetapi niat mereka terhadap Islam masih lemah dan hati mereka perlu dijinakkan. Tafsiran ini juga merujuk kepada golongan yang mempunyai kemuliaan ekoran daripada pemberian harta zakat kepada golongan ini akan menyebabkan mereka memelihara dan mempertahankan Islam (al-Zuhayli: 1998). Tafsiran ini juga menjelaskan bahawa golongan muallaf terbahagi dua golongan iaitu mereka yang telah memeluk Islam dan yang belum memeluk Islam. Al-Qurtubi dalam al-Jami' Li-Ahkam al-Quran menafsirkan kalimah (والمؤلفة قلوبهم) sebagai mereka yang telah memeluk Islam dan melalui pemberian zakat diharapkan dapat menjinakkan hati mereka yang masih kurang keyakinan terhadap Islam. Golongan ini termasuk juga mereka yang kaya tetapi baru memeluk Islam (al-Qurtubi: 1996).

Kaedah Pengajaran Kepada Muallaf

Noraini Omar et. al (2014) telah menyatakan definisi pengajaran berdasarkan kajian Shahabuddin et. al (2003) bahawa pengajaran merupakan satu proses yang merangkumi aktiviti-aktiviti perancangan, pelaksanaan, penilaian dan maklum balas. Ia bertujuan menyebarkan ilmu pengetahuan atau kemahiran tertentu. Fungsi pengajaran adalah menghasilkan pembelajaran yang efektif, insan yang seimbang dan harmonis, berilmu pengetahuan serta berakhlak mulia. Oleh itu satu sesi pengajaran yang baik perlu melibatkan kemahiran guru memadankan kaedah mengajar dengan objektif pembelajaran pelajar dan gaya pembelajaran mereka (Shahabuddin, Rohani, & Mohd. Zohir: 2003).

Kaedah pengajaran pada asasnya melibatkan tiga komponen iaitu subjek yang diajar, orang yang mempelajari dan orang yang mengajar. Penglibatan dan interaksi antara ketiga-tiga komponen ini dikenali sebagai proses belajar (Hassan Langgulung: 1991). Justeru kesemua definisi ini merujuk kepada elemen yang perlu ada dalam kaedah pengajaran. Begitu juga dengan kaedah pengajaran mualaf, kesemua ini perlu digabungkan supaya ia mampu memberi impak yang lebih berkesan. Berdasarkan pemerhatian dalam kajian ini menunjukkan mualaf memerlukan kaedah yang khusus dalam aspek pelaksanaan pengajaran. Penerapan unsur pengajaran kepada mualaf tidak sama seperti pengajaran kepada kanak-kanak. Sebagaimana kajian Nur A'thiroh Masyaa'il et.al (2015), memetik kenyataan Mohamed Fauzi Othman dan Rosman Mohd Yusoff (2008), pengajaran mualaf melibatkan proses pembacaan, pemahaman, penerokaan, penyelidikan, perdebatan dan sebagainya. Proses-proses tersebut menghasilkan implikasi pengaruh dan perubahan dalam diri serta tingkah laku mualaf.

Berikut merupakan beberapa kaedah pelaksanaan pengajaran kepada mualaf berdasarkan kepada kajian-kajian lepas, antaranya ialah Ghazali Basri (2012), Nur A'thiroh Masyaa'il (2015), Mohamed Fauzi Othman dan Rosman Mohd Yusoff (2008), Azhar Haji Ahmad dan Ab. Halim Tamuri (2010), Noraini Omar et. al (2012), H. M. Yunan Yusuf (2006), Knowles (1981) dan al-Rawi (1993). Antara kaedah-kaedah pengajaran yang sesuai dilaksanakan kepada mualaf ialah;

Pengajaran Berdasarkan al-Quran

Lima ayat yang pertama dalam al-Quran iaitu surah al-'Alaq membuktikan kepada kita bagaimana dalam permulaan Islam itu Allah SWT telah mengutus malaikat Jibril menyampaikan wahyu menyuruh supaya baginda membaca. Ini bermakna membaca adalah kunci kepada ilmu pengetahuan. Islam merupakan risalah ilmu, pengetahuan dan juga akal di mana ketiga-tiga perkara ini merupakan nikmat terbesar bagi manusia (Amahzun: 2004). Melalui ayat ini anjuran untuk membaca, menulis dan menuntut ilmu adalah anjuran Allah SWT kepada seluruh umat Islam. Ia bermaksud membaca, menulis dan belajar merupakan

alat yang paling baik untuk menyampaikan risalah (Amahzun: 2004). Arahan membaca tidak hanya terhad kepada kefahaman literal iaitu membaca bahan bacaan di atas kertas. Membaca adalah kaedah untuk memahami sesuatu ilmu pengetahuan. Perintah membaca juga merujuk kepada sumber ilmu iaitu ‘Yang Maha Bijaksana’ yang menjadikan manusia daripada segumpal darah, yang mengajar manusia dengan pena, mengajar manusia apa yang tidak diketahui. Dari perspektif yang lebih luas, perintah membaca dan hakikat bahawa berfikir dan mengkaji tentang alam ini adalah konsep ilmu yang menjadi asas ajaran Islam (Zaini Ujang: 2009).

Selain itu, pembukaan wahyu dengan ayat-ayat daripada surah al-‘Alaq juga mengisytarkan bahawa ilmu pengetahuan merupakan perkara yang harus dimiliki oleh semua umat manusia khususnya umat Islam. Dalam rangka menyampaikan ilmu, Rasulullah SAW menyusun agenda dengan mengumpulkan para sahabat untuk berada di satu tempat iaitu rumah al-Arqam ibnu Abi al-Arqam, di mana Rasulullah SAW membacakan al-Quran dan memahamkan tentang persoalan-persoalan agama kepada mereka iaitu para sahabat (Ibnu Hisyam: 2002).

Menurut Ghazali Darusalam, persediaan sebagai pendidik juga termasuk dalam kaedah penyampaian ilmu. Beliau menyatakan bahawa sebagai pendidik persediaan amat penting untuk menjamin keberkesanan dalam menyampaikan ilmu. Persediaan tersebut mencakupi tiga konsep utama iaitu iman, ilmu dan amal. Iman merupakan asas bagi penerimaan amal. Semua amalan tidak diterima oleh Allah SWT melainkan adanya iman (Ghazali Darusalam: 1996). Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Furqan ayat 23. Maksudnya: “Dan Kami tujukan perbicaraan kepada apa yang mereka telah kerjakan dari jenis amal (yang mereka pandang baik), lalu Kami jadikan dia terbuang sebagai debu yang berterbangan.” Selain persediaan iman, ilmu dan amal, sebagai guru mereka juga perlu menerapkan unsur-unsur Islam di dalam dan di luar kelas. Unsur-unsur Islam ialah yang mewakili sifat-sifat mahmudah yang ada dalam ajaran Islam. Pada masa yang sama konsep amar makruf dan nahi mungkar perlu dijalankan selari sewaktu proses pengajaran sedang berlangsung (Ghazali Darusalam: 1996).

Kaedah inkuiri merupakan salah satu kaedah yang digunakan dalam al-Quran. Al-Quran menekankan penggunaan akal ke tahap maksimum bagi memperoleh, memahami serta mengaplikasikan setiap maklumat bersifat ilmu bagi tujuan kehidupan manusia. Contoh ayat-ayat al-Quran seperti mana dalam surah berikut; (2:75), (2:44), (3:65), (67:10), (29:43), (2:174) dan banyak lagi. Termasuk juga dalam kaedah ini ialah melatih untuk berfikir secara analitis dan sintesis yang boleh dilakukan oleh individu yang mana tidak melibatkan dialog atau soal jawab. Selain itu, kaedah bertanya juga merupakan salah satu kaedah yang boleh digunakan kerana ia dapat memberi keyakinan yang lebih mendalam dan juga boleh menenangkan fikiran kerana terhindar daripada keraguan (Ghazali Basri: 2012). Sebagaimana

firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 260. Maksudnya: “Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim (merayu dengan) berkata: “Wahai Tuhanku! Perlihatkanlah kepadaku bagaimana Engkau menghidupkan makhluk-makhluk yang mati?” Allah berfirman: “Adakah engkau belum percaya (kepada kekuasaanKu)?” Nabi Ibrahim menjawab: “Bahkan (aku percaya dan yakin), akan tetapi (aku memohon yang demikian ialah) supaya tenteram hatiku (yang sangat-sangat ingin menyaksikannya)”. Allah berfirman: “(Jika demikian), ambillah empat ekor burung, kemudian kumpulkanlah olehmu (dan cincanglah semuanya). Setelah itu letakkanlah di atas tiap-tiap sebuah bukit sebahagian daripadanya. Kemudian serulah burung-burung itu nescaya semuanya akan datang kepadamu dengan segera. Dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana” Al-Quran juga menganjurkan kaedah diskusi dan wacana. Ia dapat dilihat dalam banyak ayat al-Quran. Antaranya ialah surah al-Nahl ayat 43. Maksudnya: “Dan tidaklah Kami mengutus Rasul-rasul sebelummu (wahai Muhammad), melainkan dari kalangan orang-orang lelaki, yang Kami wahikan kepada mereka. Oleh itu bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui”. Selain itu, al-Quran juga mengamalkan kaedah terapan atau latihan. Ia lebih berbentuk amali seperti solat, puasa, sedekah dan lain-lain lagi. Sebagaimana firman Allah SWT dalam Taha ayat 123. Maksudnya: “Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan sembahyang, dan hendaklah engkau bersabar menunaikan nya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, (bahkan) Kamilah yang memberi rezeki kepadamu. Dan (ingatlah) kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertakwa.

Selain itu, kaedah refleksi juga merupakan salah satu metode pengajaran yang ada dalam al-Quran. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 190-191. Maksudnya: Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal; iaitu orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): “Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka”. Ayat ini memberi petunjuk bahawa manusia memberi respon kepada hakikat kejadian Allah Taala. Allah memberi akal kepada manusia bukan sahaja untuk berfikir malah bertujuan memberi respon terhadap apa yang diketahui. Hal ini telah dipersetujui oleh Hanipah Hussin et.al (2004) bahawa refleksi merupakan aktiviti kognitif dan sarjana Barat seperti Boud, Keough dan Walker (1985) mendukung idea John Dewey bahawa kaedah refleksi sesuai diamalkan ketika membimbing seseorang melakukan sesuatu perkara.

Pengajaran Berdasarkan Kaedah Rasulullah SAW

Kajian mengenai metode pengajaran cara Rasulullah SAW sudah banyak dikaji oleh ulama-ulama sebelum ini. Antaranya ialah al-‘Allamah Syeikh al-Muhaddith al-Faqih Abdul Fattah

Abu Ghuddah al-Halabi al-Suri (2009) yang menulis bukunya yang berjudul *al-Rasul al-Mu'allimu wa Asaliibuhu fi al-Ta'lim*. Buku ini membicarakan empat puluh teknik atau cara yang diamalkan oleh Rasulullah SAW sewaktu mengajar atau mendidik. Rasulullah SAW merupakan pendidik unggul. Ia dibuktikan dalam sabdanya yang bermaksud:

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah tidak mengutuskan daku untuk menyukarkan dan tidak pula sebagai mencari kesilapan dan keaiban orang lain, sebaliknya Allah mengutuskan daku sebagai guru yang memudahkan”(Riwayat Muslim). Berdasarkan dalil ini menunjukkan bahawa Rasulullah SAW adalah seorang yang sangat unggul sebagai guru dan pendidik. Keunggulan tersebut boleh dibuktikan melalui kaedah-kaedah pengajaran yang dibawakan oleh Rasulullah SAW. Sebagaimana petikan yang ditulis oleh Syeikh Abdul Fattah Abu Ghuddah al-Halabi al-Suri, Rasulullah SAW merupakan guru terulung yang tidak mampu ditandingi oleh sesiapaupun. Keadaan manusia yang begitu rosak sebelum kedatangan Baginda dan perubahan positif ke arah nilai-nilai murni yang begitu mendadak setelah Baginda menjalankan mesej dakwah dan menerapkan metode-metode yang mampu menarik perhatian seluruh manusia (Abdul Fattah Abu Ghuddah: 2009). Antara metode pengajaran yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW ialah:

1. Metode berangsur-angsur

Rasulullah SAW menitikberatkan kaedah berangsur-angsur (*al-tadarruj*) di dalam memberi pengajaran. Baginda akan mendahulukan perkara yang lebih penting ke atas perkara yang penting dan mengajar satu persatu secara beransur-ansur. Berangsur-angsur juga boleh difahami dengan kaedah pengajaran secara bertahap atau berperingkat. Sebagaimana hadis 61 dalam bab iman dalam Kitab Sunnah yang mempunyai taraf sahih. Maksudnya: “Daripada Sayyidina Jundub bin Abdullah beliau berkata; Kami bersama-sama Nabi dan umur kami ketika itu hampir baligh. Baginda mengajarkan kepada kami perkara yang berkaitan dengan keimanan sebelum mengajar al-Quran, selepas itu barulah kami belajar al-Quran dan iman kami bertambah dengannya.” (Riwayat Ibnu Majah)

Selain itu, aspek berangsur-angsur dalam pengajaran Rasulullah SAW juga menekankan aspek keutamaan dalam menyampaikan mesej Islam. Ini terbukti sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: Maksud: “Daripada Saidina Ibnu Abbas, sesungguhnya Nabi pernah mengutuskan Saidina Muaz bin Jabbal ke Yaman, lalu Baginda bersabda (berpesan kepada Muaz) Sesungguhnya kamu akan menemui satu kaum dari ahli kitab, maka serulah mereka kepada penyaksian bahawa tiada tuhan yang layak disembah melainkan Allah dan bahawasanya daku ialah Rasul utusan Allah. Setelah mereka mentaati perkara tersebut, maka ajarkanlah kepada mereka bahawa Allah mewajibkan ke atas mereka agar mengeluarkan zakat yang diambil daripada golongan kaya dan diberikan kepada golongan fakir dan miskin. Setelah mereka mentaatinya maka hendaklah kamu menjauhi

harta-harta (yang mereka miliki). Takutilah doa orang yang dizalimi kerana tiada hijab yang menghalangnya (untuk dikabulkan Allah).” Melalui terjemahan hadis tersebut menunjukkan terdapat beberapa kaedah beransur-ansur yang boleh diambil iaitu dalam pengajaran perlu mulakan perkara yang lebih penting dari yang penting. Maksudnya dalam ajaran Islam akidah tauhid lebih penting diajar terlebih dahulu berbanding hukum syarak atau ajaran syariat yang lain. Selain itu mengajar dengan banyak sekali gus akan menimbulkan perasaan jemu dan apa yang dipelajari tidak dapat dikuasai dengan baik. Bahkan anjuran Rasulullah SAW juga berdasarkan hadis ini merujuk kepada keutamaan perlu diberi kepada masalah-masalah usul (asas) sebelum mempelajari masalah-masalah furu’ (cabang) (Abdul Fattah Abu Ghuddah: 2009). Selain itu, contoh berangsur-angsur juga boleh digambarkan dalam hadis yang berikut: Maksud: “Daripada Saidina Muhammad bin Fudhail daripada Ato’ (Ibnu Assaib) daripada Abi Abd Rahman Assulami al-Muqri’ beliau berkata: (salah seorang sahabat yang mengajar kami al-Quran memberitahu kami) bahawa sesungguhnya mereka belajar dengan Nabi sebanyak sepuluh ayat sahaja, dan mereka tidak berpindah kepada sepuluh ayat yang lain melainkan setelah mereka mengetahui apa yang terkandung pada ayat itu dan beramal dengannya.” Melalui hadis ini menggambarkan bahawa aspek berangsur-angsur dilihat dari sudut pemahaman dan pengamalan. Apabila sesuatu perkara sudah difahami dan ia mampu diamalkan oleh individu tersebut, maka selepas itu ia boleh bergerak ke tahap yang seterusnya atau tahap yang lebih tinggi.

2. Metode Variasi (*al-Tanwi’ wa al-Taghyir*)

Metode variasi ialah kepelbagaian metode dalam pengajaran. Abdul Fattah Abu Ghuddah (2009) menulis dalam bukunya tentang kaedah pengajaran Rasulullah SAW, beliau membawakan sebanyak 40 kaedah yang digunakan oleh Rasulullah dalam menyampaikan ajaran Islam kepada seluruh umat. Metode-metode ini amat berguna untuk panduan para pendidik sama ada mendidik anak-anak dan masyarakat. Kepelbagaian metode adalah dengan menghasilkan sesuatu cara atau kaedah bersesuaian dengan tahap dan keupayaan pelajar pada masa tersebut. Ia juga boleh berlaku berdasarkan penerangan dalam isi pelajaran yang memungkinkan untuk tenaga pengajar menggunakan metode yang berbeza untuk setiap bab. Sebagai contoh, dalam subjek fekah mungkin boleh digunakan kaedah amali tetapi ia mungkin berbeza apabila memperkenalkan subjek akidah yang memerlukan kepada pemahaman dan penghayatan. Mungkin cara yang lebih sesuai digunakan adalah berdasarkan soal jawab, perbincangan isu-isu semasa yang berkaitan dan sebagainya lagi.

3. Metode Contoh Teladan (*al-Uswah wa al-Qudwah*)

Antara yang menjadi daya tarikan Rasulullah SAW ialah keperibadian Baginda sebagai guru dan pendakwah. Baginda memiliki sifat penyayang lagi pengasih, menjauhkan perkara yang menyusahkan dan suka kepada kemudahan, berkasih sayang terhadap golongan pelajar, mengambil berat kepada mereka dan sentiasa mencurahkan segenap tenaga pada setiap ketika dan keadaan (Abdul Fattah Abu Ghuddah: 2009). Setiap ucapan Baginda juga jelas serta mudah difahami di samping bersikap tenang dalam setiap ucapannya. Rasulullah SAW menjadikan dirinya sebagai contoh atau model terbaik. Kaedah yang utama digunakan oleh Baginda ialah ajaran yang berbentuk praktikal dengan cara menjadikan budi pekerti

sebagai ikutan teladan yang baik kepada seluruh umat. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 21. Maksudnya: “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, yaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingat Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)”

Qudwah (contoh ikutan) dan kekuatan (al-Quwwah) adalah dua uslub yang saling lengkap melengkapi. Uslub qudwah perlu mempunyai tujuan dan matlamat yang lebih tepat untuk dilaksanakan, manakala uslub dengan kekuatan pula merupakan tindakan yang berdasarkan kepada kekuatan, kemampuan dan kekuasaan matlamat serta kesucian cita-cita yang hendak dituju (Ideris Endot: 1995).

4. Metode Aplikasi (*al-Tatbiqi wa al-'Amali*)

Metode aplikasi ialah metode pengajaran secara melakukan terus sesuatu perbuatan sebagai contoh. Rasulullah dalam mengajarkan para sahabat masalah agama, beliau sering memberi penjelasan dengan perbuatan. Antaranya, baginda mengajarkan tata cara wudhu, mengajar waktu solat dengan penjelasan melalui tindakan, solat di atas mimbar untuk mengajar orang, mengajar cara meludah di baju ketika shalat, mengajar bagaimana cara tayammum dengan perbuatan, dan menunjukkan batu kerikil kepada sahabat untuk Jumrah Aqabah.

5. Metode Pengulangan (*al-Taqrir wa al-Muraja'ah*)

Rasulullah SAW juga melakukan kaedah pengulangan dalam pengajarannya. Kaedah pengulangan menyebabkan pelajar lebih mudah mengingat perkara tersebut (Adi Surya: 2008). Sebagaimana sabda Rasulullah SAW dalam hadis Sahih Bukhari, hadis 94 pada bab mengulang bacaan sebanyak tiga kali dalam kitab ilmu. Maksudnya: “Daripada Saidina Anas bin Malik, daripada Nabi sesungguhnya apabila baginda berbicara, ia akan mengulanginya sebanyak tiga kali agar ia dapat difahami.”(Riwayat Bukhari)

Memetik pengajaran hadis yang dibawa oleh Abdul Fattah Abu Ghuddah, seorang pendidik perlu mengulangi ucapan dan perkataan agar ia dapat difahami oleh para pendengar. Berkata al-Hafiz Ibnu Hajar dalam syarah hadis Kitab Fathul Bari (2002); sesungguhnya maksud perkataan Baginda yang mengatakan sebanyak dua atau tiga kali berpunca dari keraguan perawi hadis ini. Ia merupakan suatu dalil bahawa pengulangan sesuatu bicara sebanyak tiga kali bukannya satu kemestian kerana yang penting ialah kefahaman bukannya pengulangan. Oleh itu, apabila kefahaman dapat diperoleh tanpa pengulangan sebanyak tiga kali maka itu dikira sudah memadai (Abdul Fattah Abu Ghuddah: 2009).

6. Metode Penilaian (*al-Taqyim*)

Penilaian merupakan salah satu metode yang digunakan oleh Rasulullah SAW. Selepas Rasulullah SAW memberikan suatu pengajaran kepada masyarakat, Rasulullah SAW tidak terhenti di situ sahaja, bahkan Baginda akan bertanyakan kefahaman dan menilai semula jawapan yang diberikan oleh para sahabat (Mustafa Yaaqub: 1997). Baginda juga menguji beberapa orang sahabat dengan cara bertanya mengenai sesuatu ilmu bagi menguji kecerdikan dan pengetahuannya (Abdul Fattah Abu Ghuddah: 2009). Jika dilihat kepada keadaan semasa pada hari ini, metode penilaian kepada pelajar boleh dilaksanakan dalam pelbagai bentuk sama ada ia bersifat ujian bertulis, ujian lisan, ujian amali atau praktikal, kaedah latihan dan pemantauan selain pemerhatian langsung yang boleh dilakukan terhadap pelajar. Pemerhatian secara langsung biasanya akan memberi peluang kepada tenaga pengajar untuk membuat teguran membina atau memberi bimbingan secara berterusan berdasarkan apa yang dilihat oleh mereka.

7. Metode Dialog (*al-Hiwar*)

Dialog merupakan antara kaedah pengajaran yang sentiasa dilaksanakan oleh Rasulullah SAW. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Qatadah r.a; Maksudnya: “Daripada seorang lelaki daripada kaum Khas’am beliau berkata: Daku datang kepada Nabi SAW dan baginda sedang bersama beberapa orang sahabat Baginda. Daku berkata: Adakah kamu yang mendakwa sesungguhnya kamu adalah utusan Allah? Sabda baginda: Ya. Daku bertanya lagi: Wahai Rasulullah, apakah amalan yang paling disukai oleh Allah Taala? Sabda baginda: Beriman kepada Allah. Daku bertanya lagi, kemudian apa lagi? Sabda baginda: menghubungkan silaturrahim. Kemudian aku bertanya lagi, apa lagi selepas itu wahai Rasulullah? Jawab baginda: menyuruh kepada melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran. Daku bertanya lagi: Wahai Rasulullah, apakah amalan yang paling dimurkai oleh Allah Taala? Jawab baginda: menyekutukan Allah. Daku bertanya: kemudian apa lagi? Jawab baginda: memutuskan hubungan silaturrahim. Daku bertanya lagi: kemudian apa lagi wahai Rasulullah? Sabda baginda: menyuruh melakukan kemungkaran dan melarang daripada melakukan kebaikan.” (Abu Ya’la: 6690, Musnad Imam Ahmad). Berdasarkan hadis tersebut menunjukkan Rasulullah SAW amat meraikan keadaan, keperluan dan suasana orang yang bertanya. Oleh itu para pendidik perlu memiliki sifat sabar dalam mendidik dan mengajar serta mampu mencontohi sifat baginda nabi yang sentiasa bersabar dengan setiap soalan yang diajukan oleh para sahabat (Abdul Fattah Abu Ghuddah: 2009). Begitu juga dengan mualaf, biasanya mereka akan gemar bertanya dan berdialog tentang apa-apa sahaja yang mereka tidak faham atau ragu-ragu. Oleh itu tenaga pengajar seharusnya menjadikan dialog itu sebagai satu peluang untuk memberi kefahaman kepada mualaf. Pada masa yang sama tenaga pengajar juga perlu memastikan dialog itu berjalan secara harmoni dan tidak menyentuh sensitiviti setiap individu.

8. Metode Kiasan (*al-Qiyas*)

Rasulullah SAW pernah membuat kiasan terhadap para sahabat dan memberikan alasan logik mengenai hukum tersebut. Perkara ini berlaku apabila cara yang ingin digunakan agak mengelirukan dan hukumnya susah untuk diketahui. Justeru bahasa kiasan bertindak sebagai satu kaedah memahami hukum syarak dan matlamatnya, juga untuk memperoleh kefahaman yang jelas mengenai tujuan dan matlamat syariat yang begitu luas (Abdul Fattah Abu Ghuddah: 2009). Sebagaimana sabda Rasulullah SAW: Maksudnya: “Diriwayatkan daripada Saidina Ibnu Abbas, sesungguhnya seorang wanita daripada bangsa Juhainah datang menemui Nabi lalu ia berkata; Sesungguhnya ibuku bernazar untuk melaksanakan ibadah haji, tetapi ia tidak melakukannya sehinggalah ia meninggal dunia, adakah daku boleh menunaikan haji untuknya? Sabda Baginda; Boleh, lakukanlah haji untuknya. Apakah pandanganmu, sekiranya ibumu mempunyai hutang, apakah kamu akan melunaskannya? Ya, jawab perempuan tersebut. Maka sabda Nabi; Lunaskanlah hutang dengan Allah kerana sesungguhnya hutang Allah adalah lebih selayaknya ditunaikan.” (Sahih Bukhari, Kitab Balasan Berburu Ketika Berhaji, Bab Beberapa Nazar dari Mayat dan Seorang Lelaki yang Berhaji untuk Wanita, 1852)

Berdasarkan hadis tersebut membuktikan kepada kita bagaimana konsep al-hikmah telah digunakan oleh Rasulullah SAW dalam menyampaikan sesuatu ilmu. Konsep hikmah perlu digunakan dalam pelbagai bentuk pengajaran bagi menyelesaikan permasalahan yang timbul serta boleh memberi perkhabaran gembira dan menyedapkan hati mereka yang bertanya. Sebagaimana persoalan yang diajukan oleh pelajar perlu dijawab dengan berhikmah dan logik. Logik adalah nadi bahasa dan komunikasi. Sesuatu komunikasi akan bernilai sekiranya mengandungi unsur logik, sama ada komunikasi itu berbentuk perkataan, perbuatan atau gerak geri (Mohd Amin: 2007).

9. Metode *Targhib wa Tarhib*

Targhib berasal daripada perkataan ragghaba yang bererti menyenangkan, menyukai dan mencintai. Targhib pula bermaksud suatu harapan untuk memperoleh kesenangan, kecintaan dan kebahagiaan (Ibnu Manzur: 2003). Justeru targhib boleh difahami sebagai janji-janji tentang keindahan dan kebahagiaan yang dapat merangsang dan mendorong seseorang sehingga timbul harapan dan semangat untuk memperolehnya (Zuhairini: 1996). Manakala istilah tarhib pula berasal daripada perkataan rahhaba yang bererti menakut-nakutkan atau mengancam. Maka tarhib boleh difahami dengan maksud ancaman dan hukuman (Ibnu Manzur: 2003). Mengulas mengenai metode pengajaran secara targhib dan tarhib ini, Zuhairini (1996) memetik penulisan al-Nahlawi yang mendefinisikan targhib adalah janji yang disertai dengan pujukan untuk melakukan sesuatu kebaikan untuk mendapat kenikmatan atau kesenangan di akhirat nanti. Pelaksanaannya dalam bentuk penyucian hati daripada sebarang kekotoran yang kemudiannya diteruskan dengan melakukan amal soleh serta menjauhi perkara nikmat bersifat sementara yang boleh mendatangkan keburukan dan mudharat. Manakala tarhib pula ialah suatu ancaman atau seksaan hasil daripada melakukan pelbagai dosa dan maksiat yang dilarang oleh Allah SWT. Ia juga mungkin terjadi

disebabkan suka melengahkan sesuatu sewaktu menjalankan perintah Allah SWT (Zuhairini: 1996).

Uslub targhib wa tarhib dimulai dengan memberi galakan melalui pemberitahuan tentang kebaikan Islam, ganjaran pahala dan nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT di samping keampunan dan penerimaan taubat setiap manusia yang ingin bertaubat. Seiringan itu disusuli dengan pula dengan penjelasan tentang azab dan akibat bagi sesiapa yang melakukan keingkaran dan kerosakan. Kombinasi seperti ini perlu untuk menambahkan ketakwaan manusia dengan melahirkan rasa takut, gentar dan gerun dengan ancaman Allah SWT. Justeru di sini wujud istilah tawazun iaitu keseimbangan dalam proses bimbingan dan didikan mualaf (Ridhwan Tee & Redwan Yasin: 2014). Oleh itu, dalam kaedah pengajaran metode targhib dan tarhib amat sesuai untuk digunakan sejajar dengan kehendak targhib yang bermaksud memberi galakan dan sanjungan ke atas kerja-kerja yang baik atau kejayaan yang dilakukan oleh anak didik. Ia merupakan suatu dorongan dan motivasi yang memberi kesan baik kepada minat belajar. Demikian pula sebaliknya, apabila didapati salah laku atau sesuatu keadaan yang berlawanan dengan nilai Islam, keadaan tersebut perlu dicegah di peringkat awal lagi terhadap kesalahan yang dilakukan serta memberitahu akibat dari perbuatan tersebut. Ini adalah merujuk kepada konsep tarhib (Ghazali Basri: 2012). Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Fussilat ayat 46 yang merujuk kepada konsep targhib dan tarhib.

Maksudnya: “Sesiapa yang mengerjakan amal salih maka faedahnya akan terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang berbuat kejahatan maka bahayanya akan menimpa dirinya sendiri; dan Tuhanmu tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hamba-hambaNya”

10. Metode Perumpamaan (*Amthal*)

Allah SWT mengajar manusia dalam pelbagai bentuk dan kaedah. Antaranya ialah metode perumpamaan. Ia dibuktikan dalam surah al-Ankabut ayat yang ke-41. Dalam ayat ini Allah SWT mengumpamakan sembahsan orang kafir seperti sarang labah-labah. Maksudnya: “Misal bandingan orang-orang yang menjadikan benda-benda yang lain dari Allah sebagai pelindung-pelindung (yang diharapkan pertolongannya) adalah seperti labah-labah (1353) yang membuat sarang (untuk menjadi tempat perlindungannya); padahal sesungguhnya sarang-sarang yang sehabis-habis reput ialah sarang labah-labah, kalaulah mereka orang-orang yang berpengetahuan” (al-Ankabut: 41). Melalui ayat ini, Allah SWT telah membuat perumpamaan orang-orang yang memohon perlindungan selain Allah SWT adalah sama seperti labah-labah yang membuat sarang, sedangkan sarang labah-labah merupakan tempat tinggal yang paling lemah. Perumpamaan ini ditujukan kepada orang-orang yang mensyirikkan Allah yang meminta pertolongan selain daripada Allah SWT dengan menyembah berhala dan sebagainya (Ibnu Kathir: 2015). Teknik perumpamaan atau analogi seperti ini juga amat baik digunakan oleh tenaga pengajar khususnya dalam mendidik anak-anak atau seseorang yang ingin mengenali Islam kerana perumpamaan seperti ini lebih mudah difahami dan dihayati.

11. Metode Nasihat

Agama Islam itu ialah nasihat. Antara metode utama yang ditonjolkan oleh Rasulullah SAW dalam pengajaran ialah dengan menggunakan kaedah nasihat dan memberi peringatan. Ini bertepatan dengan ayat al-Quran dalam surah al-Zaariat (Abdul Fattah Abu Ghuddah: 2009). Maksudnya: “Dan janganlah kamu adakan tuhan yang lain bersama Allah (dalam kepercayaan kamu), sesungguhnya aku diutus oleh Allah kepada kamu sebagai pemberi amaran yang nyata”.

(al-Zaariat: 55). Teknik nasihat dan memberi peringatan merupakan teknik yang paling mudah untuk dilaksanakan. Namun begitu ia perlu juga melihat kepada suasana dan tempat yang sesuai. Nasihat yang sesuai dan disampaikan pada masa yang sesuai akan memberi kesan yang mendalam dalam jiwa pelajar.

12. Metode Kisah dan Ibrah

Kisah dan ibrah merupakan metode yang biasa digunakan dalam kaedah pengajaran kita pada hari ini. Begitu juga baginda Rasulullah SAW yang juga pernah menggunakan metode kisah dan cerita dalam penyampaian. Sebagai contoh, Rasulullah SAW mengajar para sahabat tentang kisah-kisah atau peristiwa yang berlaku pada umat-umat terdahulu untuk dijadikan ibrah dan pengajaran kepada umat pada hari ini. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud: Maksudnya: “Kecuali orang-orang yang sabar dan mengerjakan amal salih, maka mereka itu akan beroleh keampunan dan pahala yang besar.” (Hud: 120). Pengajaran Berdasarkan Pendekatan ‘al-hikmah’. Konsep hikmah banyak dijelaskan dalam al-Quran. Hikmah adalah tahap lebih tinggi berbanding ilmu pengetahuan, maklumat, kemahiran, fakta dan data. Hikmah secara harfiah bererti ucapan yang sesuai dengan kebenaran, falsafah, perkara yang benar dan lurus, keadilan, pengetahuan dan berlapang dada. Para sarjana memberi pelbagai definisi hikmah bersesuaian dengan disiplin ilmu mereka. Jika dilihat dari segi huraian bahasa, hikmah mempunyai sembilan pengertian iaitu keadilan, tahan marah, kenabian, suatu yang tidak memperlihatkan kejahatan, tiap-tiap perkataan yang bertepatan dengan yang hak (kebenaran), meletakkan sesuatu pada tempatnya, perkataan yang betul dan tepat, sesuatu yang mencegah berlaku kerosakan dan mengetahui sebaik-baik perkara dengan sebaik-baik ilmu (Zaini Ujang: 2009). Ayat 25 surah al-Nahl telah menggambarkan secara lengkap elemen-elemen yang perlu ada dalam proses pengajaran. Ia amat sesuai digunakan dalam kaedah penyampaian yang berkesan kepada mualaf. Elemen-elemen yang dinyatakan dalam ayat tersebut ialah al-hikmah, al-mau’izah al-hasanah dan al-mujadalah bi al-lati hiya ahsan (Mohd Amin: 2007).

Hikmah boleh dibahagikan kepada tiga bentuk iaitu hikmah melalui tindakan atau tingkah laku, hikmah melalui sikap, hikmah melalui ucapan, percakapan atau kata. Ucapan nasihat dan kata-kata yang baik termasuk di dalamnya uslub mau’izah hasanah. Adapun elemen mujadalah pula terbahagi kepada dua jenis iaitu mujadalah yang terpuji ataupun

terkandungnya di dalamnya sifat mahmudah, manakala jenis yang kedua mujadalah yang tercela padanya terdapat sifat-sifat mazmumah (Ideris Endot: 1995).

Bimbingan merupakan salah satu penggunaan metode al-hikmah dan ia amat sesuai untuk dilaksanakan dalam proses pengajaran kepada mualaf. Ridhwan Tee dan Redwan Yasin (2014) dalam kajiannya yang berjudul pendekatan konsep al-hikmah dalam proses bimbingan mualaf. Kajian tersebut mengutarakan beberapa kaedah dalam konsep al-hikmah yang boleh digunapakai dalam pendidikan mualaf, antaranya ialah memberi contoh teladan yang baik, berperingkat, sentiasa membuka jalan keluar kepada sebarang bentuk permasalahan, menegur dengan kelembutan dan konsisten dalam membimbing (Ridhwan Tee & Redwan Yasin: 2014). Zulkiple Abd. Ghani (2003) pula menambah pandangan dari perpektif komunikasi. Menurut beliau bahawa Islam adalah agama yang menggesa setiap individu muslim menyampaikan maklumat secara berterusan mengikut keupayaan masing-masing. Said al-Qahtani (2005) menjelaskan bahawa komunikasi yang berkesan adalah apabila perkataan yang disampaikan itu, jelas, terang dan tidak mengandungi ungkapan yang boleh mengaburkan antara perkara hak dan batil, benar atau salah supaya pendengar mampu memahami seluruh isi kandungan yang disampaikan. H. M. Yunan Yusuf (2006) menambah lagi bahawa semakin tinggi kemampuan komunikasi penyampaian maklumat, maka semakin tinggi kecenderungan kejayaan penyampaian ajaran Islam (Nur A'thiroh Masyaa'il: 2015). Kepandaian berpidato dan menulis surat telah menjadi sumber komunikasi semenjak kedatangan Islam. Ia merupakan bentuk pemujukan yang digunakan oleh Nabi Muhammad SAW dan para cendekiawan muslim yang lain untuk mengembang dan menyebarkan ajaran Islam melalui ucapan yang disampaikan dalam pelbagai bentuk perhimpunan serta melalui surat yang ditulis kepada raja dan ketua Arab yang berlainan (Imtiaz Hasnain: 1993).

Selain itu, kaedah yang biasa digunakan dalam proses pengajaran ialah kaedah pembelajaran sendiri (*self-learning*). Kaedah ini dapat membantu pelajar mengetahui strategi pembelajaran yang sesuai buat diri mereka sekali gus pandai mengatur masa dan mendisiplinkan diri (Ghazali Basri: 2012), selain kaedah kerja berkelompok (*amal jama'iy*) juga perlu ditekankan dalam proses pengajaran. Antaranya, perkongsian maklumat dengan rakan-rakan, interaksi dalam kumpulan, dan lain-lain. Menurut Grow (1991), pembelajaran secara kumpulan juga merupakan salah satu daripada ciri pelajar yang mampu untuk melaksanakan pembelajaran secara berkesan. Seterusnya empati merupakan salah satu daripada elemen hikmah. Perasaan simpati dan empati perlu ada dalam diri setiap tenaga pengajar. Memahami masalah pelajar dan cuba menyelesaikan masalah mereka merupakan salah satu cara untuk kita menunjukkan perasaan empati yang tinggi. Menurut Hornby (1991), empati ialah kemampuan membayangkan dan berkongsi perasaan dan pengalaman orang lain. Manakala Dawson (1992) pula menyatakan empati ialah membiarkan perasaan dan emosi kita merasai apa yang dirasakan oleh orang lain, memikirkan apa yang difikirkannya dan mengalami apa yang dialaminya untuk benar-benar bersatu dengan perasaan, fikiran dan pengalamannya (Mohd Amin: 2007). Perasaan ini amat perlu untuk tenaga pengajar mualaf kerana ia boleh mendekatkan malah menjinakkan hati mereka dengan ajaran Islam selain

mereka tidak merasa keseruan dan ada tempat untuk mengadu jika mereka menghadapi pelbagai masalah.

Selain itu, insentif juga amat perlu kepada pelajar mualaf. Ia termasuk sokongan fizikal yang perlu ada bagi membantu mereka dalam pelbagai aspek seperti kewangan, penghargaan dan sebagainya. Insentif ialah sesuatu yang mendorong atau merangsang seseorang untuk melakukan sesuatu (Hornby: 1991). Maksud yang lebih jelas ialah ganjaran yang diberikan kepada seseorang kerana telah melakukan sesuatu perbuatan. Ganjaran di sini tidak hanya terbatas kepada unsur material seperti wang dan barang berharga, tetapi juga mencakupi cara bermuamalah seperti senyuman, pujian, penghargaan, sentuhan mesra dan seumpamanya (Mohd Amin: 2007).

Penutup

Melalui perbincangan dalam tajuk ini menunjukkan perlunya tenaga pengajar dan juga pendakwah menggunakan beberapa pendekatan yang ditemukan dalam kajian ini khususnya ketika menjalankan aktiviti dakwah dan ketika melaksanakan sesi pengajaran. Ini kerana pendekatan-pendekatan yang dibincangkan ini adalah bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah dan ia sangat relevan untuk dilaksanakan sepanjang zaman dan kepada golongan mana sekalipun. Namun begitu, kajian lanjut juga perlu dilakukan bagi mencari satu sistem yang sesuai dan boleh digunakan oleh tenaga pengajar dan juga pendakwah berdasarkan beberapa kaedah yang ditemukan ini.

Daftar Pustaka

- Al-Zaidan, Abdul Karim. (2011). *Usul al-Dakwah*. Terj; Pustaka Salam Sdn. Bhd. Kuala Lumpur: Percetakan Salam Sdn. Bhd.
- Mu`jam al-Faz al-Quran al-Karim*. (1970). c.3, Kaherah: al-Hai'ah al-Misriyyah al-`Ammah Li-Ta'lif Wa al-Nashr.
- Sayyid Qutb. (1998). *Fi Zilal al-Quran*, j.3, Kaherah: Dar al-Mashruq.
- Wahbah al-Zuhayli. (1998). *Al-Tafsir al-Munir Fi al-Aqidah Wa al-Syariah Wa Al-Manhaj*, j.9, Beirut: Dar al-Fikr.
- Abi `Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari al-Qurtubi. (1996). *al-Jami` Li-Ahkam al-Quran* c.2.j.7, Kaherah: Dar al-Hadith.

- Noraini Omar, Mohd Aderi & Mohd Isa. (2014). *Kepelbagaian Elemen Budaya Dalam Pengajaran Pendidikan Islam: Isu Dan Kepentingan*. The Online Journal Of Islamic Education.
- Abdul Fattah Abu Ghuddah al-Halabi al-Suri. (2009). *Rasulullah Pendidik Terulung, 40 Teknik Rasulullah Mengajar*. Negeri Sembilan: al-Azhar Media.
- Muhammad Abu al-Fattah al-Bayanuni. *Al-Madkhal ila ilm al-Dakwah*. Madinah al-Munawwarah.
- Al-Sabuniy, Muhammad Ali. (2001). *Rawai' al-Bayan: Tafsir Ayat al-Ahkam min al-Qur'an*. Jakarta: Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- Ahmad Jafri Bahar. (2011). *Pendekatan Psikologi Dakwah dalam al-Quran: Kajian Terhadap Dakwah Nabi Musa a.s. dan Nabi Ibrahim a.s.* (tesis sarjana). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syarul Azman B. Shaharuddin. 2015. *Integrasi Mualaf Cina Terhadap Kebudayaan Masyarakat Melayu di Negeri Selangor*. Tesis Dr. Falsafah Institut Islam Hadhari (HADHARI). Bangi: UKM.
- Mariam Abd. Majid. 2012. *Mualaf di Negeri Selangor Darul Ehsan: Kajian Tentang Kepuasan Diri Dalam Anutan Islam*. Tesis Dr. Falsafah Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya.
- Qardawi, Yusuf. 2001. *Fiqh al-Ghina' wa al-Musiqah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Nur Athiroh Masyaa'il Tan Abdullah & Fariza Md Sham. 2009. *Keperluan Memahami Psikologi Saudara Muslim*. Jurnal Hadhari.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus & Nur Kareelawati Abd Karim. (2005). *Penghayatan Islam Mualaf Orang Asli Kg. Sg. Berua Terengganu*. Dlm Razaleigh Muhamat@Kawangit (pnyt). *Isu-isu Pengurusan Saudara Muslim*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, FPI, UKM.
- Amran Kasimin. 1985. *Mualaf Cina di Wilayah Persekutuan dan Selangor*. Selangor: UKM Bangi.
- Anuar Puteh. (2005). *Keperluan Bimbingan Kepada Mualaf*. Dlm. Razaleigh Muhamat@Kawangit, Faudzinaim Badaruddin & Khairil Khuzairi Omar (pny.). *Masa Depan Mualaf: Harapan, Realiti dan Cabaran*. Bangi: Pusat Islam, UKM.
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Abdul Ghafar Don, Abu Dardaa Mohamad. (2010). *Dakwah Kepada Golongan Muallaf Orang Asli Di Kelantan*. Jurnal al-Hikmah(vol.4, jil.4).
- Abdul Ghafar Don, Hailan Hj. Salamon. (2009). *Dakwah kepada Non-Muslim di Malaysia: Konsep, Pendekatan dan Cabaran*. Jurnal al-Hikmah (vol.1, jil.1).

- Abdul Ghafar Don & Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. (2009). *Dakwah Kepada Orang Asli Melalui Seni Hiburan Alternatif Di Malaysia : Model Latihan Amali Dakwah (LAD)*. Jurnal al-Hikmah (vol.1, jil.1).
- Mohd Amin Abdul Rahim. (2007). *Panduan Dakwah Secara Praktikal*. Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn.Bhd.
- Giddens, A. (1993). *Sociologi*. Oxford: Polity Press.
- Hornby, A.S. 1991. *Oxford advanced Learners Dictionary*. Oxford: Oxford University Press.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. (2001). *Sejarah Dakwah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sidi Gazalba & Zainab Ismail. (1995). *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ghazali Darusalam. (1996). *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ghazali Basri. (2012). *Falsafah Pendidikan Islam Huraian Konsep & Aplikasi*. Brunei: Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- Mohammad Nidzam Abd. Kadir. (2011). *Fiqah Muallaf Antara Tuntutan & Keutamaan*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Nur A'Thiroh Masyaa'il Tan Binti Abdullah @ Tan Ai Pao & Fariza Md Sham. (2009). Keperluan Memahami Psikologi Saudara Muslim. Jurnal Hadhari Bil.2. 83-97.
- Siti Fathimatul Zahrah binti Yusri & A'thiroh Masyaa'il Tan binti Abdullah @ Tan Ai Pow. (2015). *Pengajaran Pendidikan Islam Terhadap Muallaf: Satu Tinjauan Literatur*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.